



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Perbekalan Tambahan (1980 dan 1981) 1981

DR.25/1981

Naskhah sahih—Bahasa Malaysia

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1980 dan 1981 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu.

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perbekalan Tambahan (1980 dan 1981) 1981.

Tajuk ringkas.

2. (1) Maka adalah dibenarkan supaya dikeluarkan wang sebanyak tidak lebih daripada satu ribu lapan ratus dua juta sembilan ratus lima puluh dua ribu tujuh ratus lapan puluh lima ringgit (\$1,802,952,785) daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi perbelanjaan untuk perkhidmatan-perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama bagi perkhidmatan tahun 1980, yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya dalam Anggaran Belanja Mengurus Persekutuan 1980 yang telah diluluskan oleh Akta Perbekalan 1980, Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama 1980 yang telah diluluskan oleh Akta Perbekalan Tambahan

Perbelanjaan tambahan bagi tahun 1980.

Akta A470.

Akta A493.

(1979 dan 1980) 1980, Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Kedua 1980 yang telah diluluskan oleh Akta A503. Akta Perbekalan Tambahan (1980) 1981 dan Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Ketiga 1980 yang telah diluluskan oleh Akta Perbekalan Tambahan (1979 dan 1980) 1981.

(2) Wang yang tersebut itu adalah diperuntukkan bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

Per-
belanjaan
tambahan
bagi tahun
1981.

3. (1) Maka adalah dibenarkan supaya dikeluarkan wang sebanyak tidak lebih daripada tujuh ratus lima puluh enam juta empat ratus dua ribu lima ratus enam puluh enam ringgit (\$756,402,566) daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi perbelanjaan untuk perkhidmatan-perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua bagi perkhidmatan tahun 1981, yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya dalam Anggaran Belanja Mengurus Persekutuan 1981 yang telah diluluskan oleh Akta Perbekalan 1981.

Akta A502.

(2) Wang yang tersebut itu adalah diperuntukkan bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

JADUAL PERTAMA

(Seksyen 2)

Maksud	Tajuk	Peruntukan kepada maksud
B. 21 ...	Jabatan Pertahanan Awam ...	\$ 47,839
B. 30 ...	Kementerian Luar Negeri ...	2,825,191
B. 33 ...	Peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun ...	1,800,000,000
B. 42 ...	Jabatan Pendaftaran Negara ...	79,755
Jumlah ...		<u>\$1,802,952,785</u>

JADUAL KEDUA

(Seksyen 3)

Maksud	Tajuk	Peruntukan kepada maksud
B. 8 ...	Jabatan Perdana Menteri ...	\$ 12,942,665
B. 17 ...	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ...	16,259,034
B. 21 ...	Jabatan Perpustakaan Negara	178,730
B. 24 ...	Kementerian Wilayah Perseku- tuan ...	4,750,337
B. 25 ...	Kementerian Perusahaan Utama	70,256,074
B. 26 ...	Kementerian Pertanian ...	48,379,500
B. 27 ...	Kementerian Perdagangan dan Perindustrian ...	2,773,940
B. 33 ...	Perbendaharaan ...	18,908,300
B. 34 ...	Perkhidmatan Am Perbenda- haraan ...	211,183,000
B. 35 ...	Peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun ...	146,000,000
B. 38 ...	Kementerian Perusahaan Awam	108,741,500
B. 40 ...	Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ...	800,000
B. 42 ...	Jabatan Imigresen ...	1,314,300
B. 47 ...	Kementerian Penerangan ...	3,561,000
B. 50 ...	Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat ...	1,967,256
B. 53 ...	Kementerian Pengangkutan ...	35,435
B. 54 ...	Jabatan Laut ...	700,000
B. 58 ...	Perkhidmatan Kajicuaca ...	984,256
B. 59 ...	Pengangkutan Jalan ...	1,702,546
B. 60 ...	Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos ...	419,052

Maksud	Tajuk	Peruntukan kepada maksud
B. 65 ...	Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah ...	\$ 104,545,641
	Jumlah ...	\$ 756,402,566

HURAIAN

Tujuan Rang Undang-Undang ini ialah untuk memberi kuasa berkanun supaya beberapa pembayaran tambahan tertentu dibuat untuk perkhidmatan-perkhidmatan awam persekutuan dalam tahun 1980 dan 1981 melebihi perbelanjaan yang dibenarkan oleh Anggaran Belanja Mengurus Persekutuan 1980 dan 1981, Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama 1980 yang telah diluluskan oleh Akta Perbekalan Tambahan (1979 dan 1980) 1980, Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Kedua 1980 yang telah diluluskan oleh Akta Perbekalan Tambahan (1980) 1981 dan Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Ketiga 1980 yang telah diluluskan oleh Akta Perbekalan Tambahan (1979 dan 1980) 1981 dan untuk mengadakan peruntukan bagi mengganti pendahuluan-pendahuluan yang dibuat daripada Kumpulan Wang Luar Jangka sebagaimana dikehendaki oleh Perkara 103 Perlembagaan.

[PN. (U²) 1133.]